



**BAHAGIAN PENGURUSAN SUMBER MANUSIA,  
JABATAN PENDAFTAR,  
UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG AL-SULTAN ABDULLAH,  
26600 PEKAN,  
PAHANG DARUL MAKMUR**

### **Kumpulan Pengurusan dan Profesional**

Jumlah Kekosongan Jawatan - **KONTRAK : 4**

Penempatan Jawatan: JABATAN BENDAHARI, UMPSA PEKAN

#### **AKAUNTAN GRED W41**

Tangga Gaji RM2,250.00 (Minimum) - RM11,110.00 (Maksimum)

**\*AKAUNTAN GRED WA9 \*(Gred Lantikan Sistem Saraan Perkhidmatan Awam (SSPA) yang berkuat kuasa mulai 1 Disember 2024)**

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:

- a. warganegara Malaysia;
- b. berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan.

2. Kelayakan Lantikan Bagi Jawatan Akauntan Gred WA9:

- a. Ijazah Sarjana Muda Perakaunan yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. (Gaji permulaan ialah pada Gred WA9: RM3,020.00); atau
- b. lulus peperiksaan akhir Badan-badan Ikhtisas Perakaunan yang diiktiraf oleh Kerajaan (Gaji permulaan ialah pada Gred WA9: RM3,020.00); atau
- c. lulus Peperiksaan Kelayakan (QE) Institut Akauntan Malaysia (MIA). (Gaji permulaan ialah pada Gred WA9: RM3,020.00).

3. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

#### **Keutamaan Kepada Calon:**

Calon hendaklah mempunyai pengalaman kerja dalam bidang perakaunan atau bidang berkaitan sekurang-kurangnya 3 tahun.

## **PENETAPAN GAJI PERMULAAN**

Gaji permulaan yang lebih tinggi daripada gaji minimum boleh ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik UMPSA berasaskan pengalaman kerja atau kemahiran berkaitan.

## **SYARAT-SYARAT UMUM**

Pemohon-pemohon yang memohon jawatan di atas adalah tertakluk kepada syarat-syarat dalam skim perkhidmatan berkenaan yang sedang berkuat kuasa serta pindaan yang dibuat ke atasnya dari semasa ke semasa.

## **TARAF JAWATAN**

Jawatan akan dilantik secara Tetap / Kontrak.

## **UMUR PADA TARIKH TUTUP IKLAN**

Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan dan berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan.

## **CARA MEMOHON**

Permohonan hendaklah dibuat secara atas talian dengan mengisi maklumat pemohon di laman sesawang UMPSA, [E-recruitment UMPSA](#)

## **PERMOHONAN OLEH PEGAWAI YANG SEDANG BERKHIDMAT**

Pegawai yang sedang berkhidmat dalam Perkhidmatan Awam, Badan Berkanun atau Pihak Berkuasa Tempatan hendaklah mengemukakan permohonan melalui Ketua Jabatan masing-masing dengan menyertakan salinan Laporan Nilai Prestasi Tahunan tiga (3) tahun terakhir, salinan Kenyataan Perkhidmatan yang terkini dan ulasan majikan sama ada menyokong atau tidak permohonan selaras dengan Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Pelantikan, Kenaikan Pangkat dan Penamatan Perkhidmatan) 2012, Para 18. Sila hantarkan ke alamat berikut :

## **PUSAT PENGURUSAN BAKAT**

### **JABATAN PENDAFTAR**

### **CANSELERI TUN ABDUL RAZAK**

### **UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG AL-SULTAN ABDULLAH**

### **26600 PEKAN**

### **PAHANG DARUL MAKMUR**

**(U/P : Unit Perjawatan Pentadbiran/Unit Perjawatan Akademik)**

## **CATATAN AM**

- (a) Hanya permohonan yang layak selepas tapisan sahaja akan dipanggil untuk temuduga melalui e-mel yang telah berdaftar dengan UMPSA.
- (b) Pemohon yang tidak menerima sebarang jawapan selepas enam (6) bulan daripada tarikh tutup iklan hendaklah menganggap permohonan mereka tidak berjaya.
- (c) Pemohon yang pernah membuat permohonan pada iklan-iklan yang lalu dinasihatkan mengemukakan semula permohonan jika masih berminat dan layak.

## **PERMOHONAN ATAS TALIAN**

TARIKH BUKA

: 23/06/2025

TARIKH TUTUP

: 07/07/2025